

PERATURAN KOLEJ KEDIAMAN KAEDAH 35(I), KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR) 1999

I. Pendahuluan

Dasar dan peraturan yang terkandung di dalam Peraturan Kolej Kediaman ini adalah berasaskan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Kaedah-kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1999, Bahagian III: Tatatertib Asrama.

Dalam menyediakan dan melaksanakan peraturan ini mengikut kaedah-kaedah tersebut, kuasa Pengetua atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa olehnya mengikut Kaedah 35(I), Bahagian III: Tatatertib Asrama, Kaedah-kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1999 adalah berkaitan.

Semua pelajar adalah terikat dengan peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, undang-undang kecil dan peraturan-peraturan yang dibuat dari semasa ke semasa oleh Pihak Berkuasa Kolej.

Sebarang pelanggaran oleh pelajar terhadap peraturan ini, boleh dikenakan tindakan tatatertib tertakluk kepada Kaedah-kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.

2. Dasar Penempatan Pelajar di Kolej Kediaman

2.1. Secara amnya penempatan pelajar di kolej kediaman mengambilkira faktor-faktor seperti berikut :-

- 2.1.1. Penempatan yang disediakan merupakan satu **KEMUDAHAN** untuk pelajar dan **BUKANNYA HAK** seseorang pelajar;
- 2.1.2. Pelajar yang sudah berkahwin dan berkeluarga juga tertakluk kepada peraturan yang serupa;
- 2.1.3. Penempatan bilik/rumah di kolej kediaman adalah ditentukan oleh Pentadbiran Kolej;
- 2.1.4. Permohonan untuk tinggal di kolej kediaman hendaklah melalui borang khas penginapan asrama. Permohonan menetap di asrama hendaklah diperbaharui setiap sidang akademik;

- 2.1.5. Timbalan Naib Canselor HEP& Alumni boleh menarik balik tawaran tempat tinggal atas sebab-sebab kepentingan Universiti;
- 2.1.6. Tawaran penginapan bagi pelajar-pelajar senior adalah untuk satu sidang akademik, pelajar tidak dibenarkan menarik diri di pertengahan semester;
- 2.1.7. Pelajar boleh ditukarkan dari satu kolej ke kolej yang lain pada setiap tahun pengajian;
- 2.1.8. Pertukaran bilik dan kolej tidak dibenarkan kecuali atas sebab-sebab kesihatan yang diperakukan oleh Pegawai Perubatan atau sebab-sebab yang boleh diluluskan oleh Pengetua;
- 2.1.9. Pelajar-pelajar semester 1 dimestikan untuk menginap di asrama. Bagaimanapun, pelajar semester 2 ke atas boleh dipertimbangkan tertakluk kepada kekosongan tempat. Pelajar tertakluk kepada dasar penempatan secara percampuran kaum, negeri dan fakulti;
- 2.1.10. Penarikan balik tawaran penginapan di kolej boleh dibuat atas alasan-alasan berikut :-
- 2.1.11. Penghuni didapati telah melanggar peraturan kolej kediaman.

3. Kriteria Pemilihan Pelajar Menginap di Kolej

- 3.1 Kriteria pemilihan pelajar-pelajar adalah mengikut keutamaan yang disenaraikan seperti berikut :
 - 3.1.1 Pelajar Baru
 - 3.1.2 Keutamaan diberikan kepada pelajar-pelajar Ijazah Pertama dan Diploma
 - 3.1.3 Pelajar SUKSIS dan PALAPES akan menginap sepanjang tempoh pengajian
 - 3.1.4 Pelajar-pelajar Kurang Upaya (OKU)
 - 3.1.5 Pelajar yang aktif serta memberi sumbangan kepada kemajuan kolej, universiti dan negara.
 - 3.1.6 Pelajar-pelajar yang tidak melakukan kesalahan tatatertib
- 3.2 JHEPA mengariskan dasar bahawa 60% pelajar menginap di dalam kampus.

4. Panel Pemilihan Penginapan Kolej Kediaman

- 4.1 Panel Pemilihan Penginapan di Kolej Kediaman adalah :
 - 4.1.1 Pengetua Kolej
 - 4.1.2 Semua Felo Kolej

- 4.1.3 Pengurus Asrama
- 4.1.4 Penolong Pengurus Asrama

5. Peraturan Kolej Kediaman Kaedah-Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris

5.1 Pendahuluan

Dasar dan peraturan yang terkandung di dalam Peraturan Kolej Kediaman ini adalah berasaskan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Kaedah-kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tatatertib Pelajar- Pelajar) 1999, Bahagian III : Tatatertib Asrama.

Dalam menyediakan dan melaksanakan peraturan ini mengikut kaedah-kaedah tersebut, kuasa Pengetua atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa olehnya mengikut kaedah 35(1), Bahagian III : Tatatertib Asrama, kaedah-kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 adalah berkaitan.

Semua pelajar adalah terikat dengan kaedah-kaedah dalam Perlembagaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, undang-undang kecil dan peraturan-peraturan yang dibuat dari semasa ke semasa oleh pihak Berkuasa Kolej.

Sebarang pelanggaran oleh pelajar terhadap peraturan ini, boleh dikenakan tindakan tatatertib tertakluk kepada kaedah-kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.

5.2 Peraturan Am Kolej Kediaman (JENIS-JENIS KESALAHAN)

Kolej kediaman diwujudkan bagi memberikan kemudahan penempatan kepada pelajar-pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris yang layak. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk memperkembangkan diri pelajar secara menyeluruh dan bersepadu agar mereka dapat mensosialkan diri bagi menghadapi kehidupan sebenar di luar kampus kelak.

Bagi melicinkan perjalanan organisasi pentadbiran kolej kediaman serta memberikan keselesaan kepada penghuni-penghuni kolej, pihak UPSI melaksanakan Peraturan Am Kolej Kediaman selaras

dengan peruntukan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.

Peraturan Am Kolej Kediaman (Jenis-Jenis Kesalahan) UPSI diterangkan dalam empat bahagian iaitu :

- a) Peraturan Tingkahlaku dan Pakaian Pelajar
- b) Harta Benda Kolej Kediaman
- c) Keselamatan dan Ketenteraman Penghuni
- d) Perkara Am

a) Peraturan Tingkahlaku Dan Pakaian Pelajar

- (i) Melanggar peraturan tingkahlaku dan pakaian pelajar.
- (ii) Berkelakuan kurang sopan/ biadab.
- (iii) Tidak memakai kad pelajar dalam kawasan kolej.
- (iv) Bermain judi dan yang seumpama dengannya dalam kawasan kolej.
- (v) Memiliki, meminum minuman keras di kawasan kolej
- (vi) Memiliki, menghisap dan menjual rokok di kawasan dan dalam bangunan kolej.
- (vii) Memiliki, mengedar dan menyalahguna dadah.
- (viii) Berdua-duaan antara lelaki dan perempuan tanpa alasan munasabah di kawasan kolej termasuk membawa suami/ isteri di dalam bilik penginapan.
- (ix) Tidak menghadiri aktiviti kolej yang dimestikan.
- (x) Berlaku tidak jujur dengan petugas kolej kediaman.
- (xi) membenarkan orang yang tidak berkenaan atau pelajar lain tinggal/ bermalam dalam bilik.
- (xii) Berpindah bilik tanpa kebenaran.
- (xiii) Berada dalam bilik pelajar lain atau di luar kawasan kolej selepas jam 12.00 malam.
- (xiv) Menyimpan, menampal, melihat atau mendengar bahan-bahan lucah.
- (xv) Tidak memasang dan menggunakan cadar dan sarung bantal.
- (xvi) Hubungan sumbang sesama jenis.
- (xvii) Tidak mengemaskan pakaian dan peralatan di dalam bilik.
- (xviii) Tidak menyidai pakaian di tempat yang disediakan.

b) Harta Benda Kolej Kediaman

- (i) Menyalahgunakan harta benda kolej.
- (ii) Menconteng, mengotorkan atau merosakkan mana-mana bahagian bangunan, harta benda atau kawasan kolej kediaman.
- (iii) Tidak menutup suis lampu dan kipas angin ketika penghuni tiada di bilik.
- (iv) Membawa, mengubah atau memindah kedudukan peralatan kemudahan umum kepunyaan kolej.
- (v) Merosak/ mengotorkan peralatan, kemudahan di bilik seperti lampu, kipas siling, tingkap, almari, lantai, dan lain-lain.
- (vi) Tidak menutup paip air.

c) Keselamatan Dan Ketenteraman Penghuni

- (i) Membuat bising atau mengganggu ketenteraman.
- (ii) Memiliki senjata merbahaya atau alatan lain yang boleh mengancam keselamatan nyawa.
- (iii) Menampal poster atau bahan bercetak tanpa kebenaran atau di kawasan larangan.
- (iv) Tidak meletak kenderaan ditempat yang disediakan.
- (v) Menyidai pakaian di tempat yang tidak dibenarkan.
- (vi) Memiliki peralatan elektrik tanpa kebenaran.
- (vii) Membuat sambungan pendawaian elektrik dan telefon.
- (viii) Bermain mercun/ bunga api dalam kawasan kolej.
- (ix) Menjalankan aktiviti penyiaran secara haram melalui radio dan/ atau media lain.
- (x) Mempamerkan berhala atau objek-objek untuk tujuan pemujaan dan bahan-bahan seumpamanya.
- (xi) Menyalahgunakan alat pemadam api dan alatan lain yang disediakan.
- (xii) Mengadakan aktiviti/ perhimpunan rapat umum/ kempen/ ceramah/ perniagaan tanpa kebenaran daripada pentadbiran kolej kediaman dan/ atau Universiti.

d) Perkara Am

Melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan undang-undang negara dan perkara-perkara yang diperuntukkan dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Statut dan kaedah-kaedah yang dikuatkuasakan oleh Universiti.

6. Kewangan

6.1 Bayaran Sewa Penginapan

- 6.1.1 Yuran penginapan hendaklah dijelaskan pada hari pendaftaran bilik atau pada tarikh pelajar mula tinggal di kolej kepada pihak Bendahari atau sesiapa yang diberi kuasa olehnya untuk memungut bayaran tersebut.
- 6.1.2 Yuran penginapan asrama adalah **RM563.35** bagi satu semester. Pelajar akan disediakan dengan kemudahan capaian internet tanpa wayar (wireless line) di kolej-kolej kediaman UPSI.
- 6.1.3 Pembayaran hendaklah dibuat melalui cek atau kiriman wang yang berpaling atas nama Bendahari Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- 6.1.4 Resit hendaklah disimpan dan ditunjukkan bila diminta oleh Pengetua atau pihak berkuasa kolej.
- 6.1.5 Pelajar-pelajar pemegang biasiswa/dermasiswa/ pinjaman boleh membuat bayaran secara potongan daripada penaja kewangan.

6.2 Peraturan Sewaan

- 6.2.1 Semua penghuni hendaklah membayar sewa untuk setiap semester. Penghuni yang menarik diri setelah pendaftaran kolej tidak boleh mendapat balik wang sewa.
- 6.2.2 Penghuni yang hendak menginap semasa cuti semester hendaklah menjelaskan yuran sewaan semasa cuti mengikut bilangan hari yang dipohon.

6.3 Denda Sewaan Bilik

- 6.3.1 Denda akan dikenakan ke atas pelajar-pelajar yang mempunyai penaja kewangan jika:
- a) Pelajar tidak dapat menyelesaikan sewa.
 - b) Pelajar gagal membayar baki sewa.
 - c) Pelajar yang permohonan penangguhan bayarannya tidak diluluskan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni.
- 6.3.2 Pelajar yang tidak mempunyai penaja kewangan akan dikenakan denda jika gagal membayar sewa dengan sepenuhnya dalam tempoh dua minggu dari tarikh pendaftaran masuk ke kolej pada setiap semester.
- 6.3.3 Denda dikenakan sebanyak RM5.00 bagi genap 2 minggu dari tarikh yang ditetapkan. Denda yang sama akan dikenakan bagi setiap 2 minggu atau sebahagian yang selanjutnya sehingga bayaran sewa dijelaskan sepenuhnya.

II. PERATURAN KOLEJ

II.1 Peraturan Kediaman Di Kolej

- a) Hanya penghuni yang berdaftar sahaja dibenarkan tinggal di Kolej berkenaan. Pihak Berkuasa Kolej berhak mengambil tindakan tatatertib ke atas mana-mana pelajar/penghuni yang menghuni atau menduduki mana-mana kolej tanpa izin Pengetua.
- b) Penghuni bilik tidak boleh membenarkan orang lain menumpang/ tinggal/menginap di dalam bilik tempat tinggalnya.
- c) Penghuni hanya boleh tinggal di bilik yang telah ditetapkan.
- d) Penghuni yang ingin bermalam di luar kampus hendaklah memberitahu Pengetua atau Felo atau Penolong Pengurus Asrama atau Pembantu Penghuni Kolej bagi memudahkan pihak kolej menghubungi jika berlaku sesuatu kejadian.
- e) Pentadbiran kolej boleh dari semasa ke semasa memberi apa-apa perintah atau arahan secara bertulis atau lisan yang difikirkan perlu untuk memelihara ketenteraman dan tatatertib asrama.
- f) Sebarang kerosakan hendaklah dilaporkan segera. Bahagian Pentadbiran Kolej kediaman akan mengenakan denda kepada penghuni berkenaan jika kerosakan yang mendatangkan mudarat tidak dilaporkan segera.

- g) Tidak dibenarkan menyambung dawai elektrik untuk sebarang kegunaan di dalam bilik.

11.2 Peraturan Menduduki Bilik Di Kolej

- a) Bilik-bilik hendaklah dipastikan bersih dan kemas.
- b) Setiap penghuni hendaklah memastikan peralatan dan perabot di biliknya lengkap dengan mengisi lasti stok inventori pada hari awal menduduki bilik. Jika didapati kurang, hendaklah melaporkannya kepada Pihak Berkuasa Kolej.
- c) Penghuni adalah bertanggungjawab memelihara harta benda kolej yang disediakan. Bayaran denda atau ganti rugi akan dikenakan jika barang rosak, kotor dan hilang.
- d) Perabot di bilik atau kelengkapan-kelengkapan lain tidak boleh diubah kedudukannya atau diubahsuai tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Kolej.
- e) Bilik-bilik hendaklah dikunci bagi maksud keselamatan.
- f) Penghuni dilarang membawa barang makanan ke dalam bilik yang boleh menyebabkan kekotoran atau menimbulkan bau yang kurang menyenangkan.
- g) Sebarang poster, gambar, atau hiasan dinding bilik tidak boleh menggunakan paku atau gam yang sukar ditanggalkan. Alat penyangkut gambar dan 'posterhanger' yang sesuai gamnya dan tidak merosakkan dinding adalah dibenarkan.
- h) Penghuni yang dengan sengaja merosakkan lastic bangunan dan barang Universiti akan dikenakan tindakan tatatertib oleh pihak Universiti. Mereka juga diminta membayar balik kos pembaikan dan penggantian.
- i) Pelajar **DILARANG MEROKOK** di dalam bilik kediaman dan kawasan kolej.
- j) Penghuni tidak dibenarkan berjudi, minum arak, menyimpan makanan dan membawa makanan yang haram di sisi Islam di Kolej.
- k) Penghuni dikehendaki menutup lampu, kipas dan lain-lain suis apabila tidak berada di dalam bilik untuk mengelakkan pembaziran dan kebakaran. Penghuni yang didapati tidak mematuhi arahan ini akan dikenakan denda oleh pihak pentadbiran Kolej kediaman.
- l) Penghuni tidak dibenarkan membuang sampah atau benda yang tidak mudah hancur seperti lastic, tuala wanita dan lain-lain ke dalam tandas atau saluran air/ parit (longkang).

11.3 Tetamu

- a) Penghuni tidak dibenarkan menerima sebarang tetamu atau keluarganya di dalam rumah.

- b) Pelajar boleh bertemu dengan tetamu mereka di ruang tamu yang telah disediakan.
- c) Tetamu atau keluarga penghuni tidak dibenarkan bermalam kecuali mendapat kebenaran daripada Pengetua Kolej.

11.4 Bilik Mandi dan Tandas

Semua penghuni bertanggungjawab ke atas kebersihan bilik mandi dan tandas.

12. Peraturan Mengosongkan Bilik

- 12.1 Selepas tempoh menyewa, penghuni hendaklah mengosongkan bilik tidak lewat dari tarikh yang di tetapkan kecuali jika permohonan melanjutkan tempoh untuk menginap dibuat seminggu sebelum tamat semester serta permohonan tersebut diluluskan oleh Pihak Berkuasa Kolej.
- 12.2 Bilik hendaklah ditinggalkan dalam keadaan bersih dengan membuang sampah dalam bekas yang disediakan.
- 12.3 Penolong Pengurus Asrama atau wakil akan memeriksa alat-alat perabot dan kelengkapan-kelengkapan lain. Jika didapati berlaku kerosakan, kekotoran atau kehilangan, denda dan gantirugi akan dikenakan mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Kolej.
- 12.4 Penghuni hendaklah memindahkan barang-barang milik sendiri ke tempat yang disediakan. Sebarang alat atau benda yang ditinggalkan dianggap sebagai tidak diperlukan lagi.
- 12.5 Semua kunci hendaklah diserahkan sendiri kepada Pihak Berkuasa Kolej.
- 12.6 Penghuni yang menghilangkan, tidak memulangkan atau lewat memulangkan kunci bilik, almari, laci meja atau rantai kunci akan dikenakan denda seperti yang di tetapkan oleh Pihak Berkuasa Kolej.

13. Peraturan Pakaian

- 13.1 Setiap pelajar yang tinggal di Kolej hendaklah mematuhi arahan dan peraturan kod etika pakaian dan rupa diri yang telah ditetapkan oleh Universiti. Pelajar lelaki tidak dibenarkan berambut panjang dan berekor. Rambut hendaklah tidak mencecah kolar bahu .
- 13.2 **SEMUA PELAJAR** termasuk Majlis Mahasiswa Kolej yang menghadiri upacara-upacara rasmi di kolej kediaman seperti Jamuan Makan Malam, Seminar dan aktiviti yang dijalankan di kolej adalah dikehendaki memakai pakaian rasmi sesuai dengan matlamat dan tujuan majlis tersebut diadakan. Berkain pelekat dan berkain batik adalah tidak dibenarkan di dalam kawasan kafeteria atau di

sekitar kawasan kolej. Kain pelekat hanya dibenarkan untuk tujuan sembahyang dan aktiviti agama di surau sahaja.

- 13.3 Tidak dibenarkan menjemur kain di koridor, tingkap, *railing* langsir atau memaku di belakang pintu dan lain-lain tempat melainkan di ampaian yang disediakan.
- 13.4 Pelajar perempuan tidak dibenarkan memakai singlet, menjolok mata dan berseluar pendek atau berskirt pendek semasa di kafeteria atau di kawasan kolej kediaman.
- 13.5 Pelajar lelaki tidak dibenarkan memakai seluar pendek dan berbaju singlet semasa di kafeteria.

14. Pendaftaran Kenderaan

- 14.1 Setiap kenderaan pelajar hendaklah didaftarkan dengan Pihak Berkuasa Universiti dan pejabat kolej kediaman.
- 14.2 Pelekat kenderaan perlu ditampal di setiap kenderaan dan ianya hendaklah diperbaharui pada setiap sesi.
- 14.3 Pelajar hendaklah sentiasa mematuhi Ordinan Lalu Lintas Jalan 1958 dalam kampus Ordinan, P.T.M 49/58.
- 14.4 Pemilik kenderaan tidak dibenarkan membunyikan kenderaan mereka sehingga mengganggu ketenteraman penghuni lain.
- 14.5 Pelajar di larang memandu motosikal di atas koridor, beranda/ kaki lima, halaman berkepong atau di mana-mana bahagian daripada mana-mana bangunan kolej.
- 14.6 Kenderaan hendaklah diletakkan di ruang/ petak yang telah dibenarkan.
- 14.7 Kenderaan yang diletakkan tidak pada ruang yang dibenarkan akan disaman dan dikenakan denda.

15. Ketenteraman Kolej

- 15.1 Penghuni dilarang membuat bising yang boleh mengganggu ketenteraman penghuni lain. Ini termasuk penggunaan alat-alat muzik.
- 15.2 Lampu siling di bilik penginapan hendaklah dimatikan suisnya tidak lewat daripada jam 12.00 tengah malam.

16. Aktiviti Pelajar

- 16.1 Sebarang aktiviti di kolej hendaklah mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Kolej.
- 16.2 Aktiviti yang melibatkan orang luar mestilah mendapat kebenaran pihak Universiti.

17. Kegiatan Berdua-Duaan Di Sekitar Kolej

Penghuni Kolej tidak dibenarkan berkelakuan menjolok mata seperti berdua-duaan di sekitar kolej dalam keadaan mencurigakan pada bila-bila masa.

18. Perkara-perkara Lain Yang Ditegah

- 18.1 Memiliki atau minum minuman keras. Membawa/ menyimpan makanan haram (Di sisi Agama Islam) ke dalam bilik.
- 18.2 Berjudi di kolej.
- 18.3 Menyimpan, memiliki atau menonton bahan-bahan lucah.
- 18.4 Memiliki atau menyalahgunakan dadah, bahan-bahan beracun, serta bahan lain yang mudah terbakar.
- 18.5 Membawa masuk seseorang BUKAN PELAJAR ke bilik tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Kolej.
- 18.6 Membawa masuk seseorang yang berlainan jantina ke bilik.
- 18.7 Berniaga tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Kolej.
- 18.8 Membuat kutipan wang dari bilik ke bilik tanpa kebenaran pihak Berkuasa Universiti.
- 18.9 Memelihara binatang di bilik atau kawasan kolej.
- 18.10 Menyidai kain bukan di ampaian yang disediakan.
- 18.11 Perbuatan-perbuatan lain yang boleh mendatangkan mudarat atau bertentangan dengan nilai murni masyarakat Malaysia.

19. Peralatan Elektrik dan Elektronik

- 19.1 Sebarang penggunaan peralatan elektrik atau elektronik mestilah mendapat kebenaran dari Pihak Berkuasa Kolej.
- 19.2 Penghuni yang mempunyai / memiliki alat-alat elektrik di biliknya dikehendaki mendaftar untuk mendapatkan lesen kelulusan dari Pejabat Kolej Kediaman terlebih dahulu.
- 19.3 Tiap-tiap alat elektrik yang dibenarkan dikenakan bayaran RM 10.00 satu semester (Rujuk Jadual I). Bayaran hendaklah dibuat di Pejabat Kolej.

Jadual 1. Kadar Pendaftaran Barangan Elektrik di Kolej-kolej Kediaman UPSI.

BIL	BARANG	HARGA
1	Cerek Elektrik	RM10.00
2	Jug Kettle	RM10.00
3	Seterika	RM10.00
4	Charger Handphone	RM10.00
5	Hair Dryer	RM10.00
6	Pembakar Roti	RM10.00
7	Rice Cooker	RM10.00
8	Radio 100 w	RM10.00
9	Lampu Belajar	RM10.00
10	Komputer	RM10.00
11	Televisyen	DIHARAMKAN
12	Coil Heater	DIHARAMKAN

20. Kadar Denda

JENIS-JENIS KESALAHAN DAN KADAR DENDA PENGHUNI KOLEJ KEDIAMAN

BIL	JENIS KESALAHAN	KADAR DENDA
1	Membenarkan pelajar berlainan jantina memasuki atau berada di dalam bilik; * Dikeluarkan dari kolej kediaman sepanjang pengajian.	Denda Di koridor RM 200.00 Di dalam bilik RM 500.00
2	Menghalang/ menahan seseorang pegawai/ kakitangan universiti daripada memasuki bilik pelajar kerana menjalankan tugas;	Denda RM 200.00
3	Pelajar luar yang penginap/ berada di dalam kawasan kampus antara jam 12.00 tgh malam - 5.00 pagi.	Denda RM 100.00
4	Berkhalwat, termasuk berdua-duaan; * Diserahkan kepada Jabatan Agama Islam .	Denda Maksimum RM 100.00
5	Bermain judi/ unsur pertaruhan. * Diserahkan kepada JHEPA	Denda RM 100.00
6	Merokok di kawasan larangan.	Denda RM 200.00
7	(i) Meletakkan kenderaan di dalam bangunan atau tempat yang tidak dibenarkan atau menghalang laluan. (ii) Menggunakan kenderaan dengan tidak mengikut peraturan Akta Jalan Raya	RM 100.00

8	Memelihara binatang dalam kawasan kolej kediaman.	Denda RM 50.00
9	(i) Menukar bilik tanpa kebenaran. (ii) Menukar kolej kediaman tanpa kebenaran.	Denda (i) Balik ke bilik asal RM 50.00 (ii) Tukar kolej RM 100.00 (ii) Dikeluarkan dari kolej kediaman sepanjang tempoh pengajian.
10	Tidak memadam lampu/kipas semasa meninggalkan bilik.	Denda RM 50.00
11	i) Memainkan alat muzik/ membuat bising selepas jam 11.00 malam - 6.00 pagi serta mengganggu ketenteraman jiran (ii) Mengadakan aktiviti sosial di blok tanpa kebenaran.	Denda RM 100.00
BIL	JENIS KESALAHAN	KADAR DENDA
12	(i) Mencaci/ melakukan peras ugut. (ii) Mencederakan orang tanpa sebab munasabah. (iii) Bergaduh, bertumbuk, memasuki kumpulan haram. (iv) Mengendap/ berkelakuan mencurigakan di kawasan berlainan jantina. (v) Menyimpan minuman keras di bilik. (vi) Memiliki atau mengedar dadah. (vii) Memiliki gambar-gambar lucah/ CD lucah, bahan bacaan/ audio visual yang diharamkan. (viii) Tidak hadir ke tindakan tatatertib. (ix) Melencong ketika minggu suaikenal.	Denda- diserahkan kepada JHEPA. Denda maksimum RM 100.00
13	Membonceng motosikal berlainan jantina.	RM 50.00

14	Tidak memakai kad matrik di kawasan kolej	RM 10.00
15	Berdua-duaan antara lelaki dan perempuan tanpa alasan munasabah di kawasan kolej termasuk membawa suami/ isteri dalam bilik penginapan.	Tidak dipertimbangkan untuk penginapan dan dirujuk ke JHEPA. DENDA RM 100.00
16	Tidak menghadiri aktiviti kolej yang diwajibkan	Tidak dipertimbangkan untuk penginapan
17	Berkeliraran di kawasan kolej/ Bilik TV/ Kafeteria/ Bilik Dobi/ Bilik Rehat selepas jam 12.00 tgh malam. Pulang lewat ke kolej selepas jam 12.00 malam - Dibawa ke JHEPA (untuk tatatertib)	RM 10.00
18	Notis-notis/ hebahan dari pihak luar hanya dibenarkan ditampal di papan notis yang ditetapkan oleh pihak kolej.	Pihak penganjur akan di denda RM 100.00 dan notis ditanggalkan.
19	Pelajar berkelakuan/ berpakaian tidak sopan di kolej.	RM 50.00 / Dirujuk kepada kaunselor
20	Menginap di kolej tanpa kebenaran	RM 50.00
21	Membenarkan pelajar lain menginap di dalam bilik dan rumah.	RM 50.00 / Dibuang daripada kolej
22	Membiarkan kasut-kasut bersepah diluar pintu/ dalam rumah.	RM 1.00 sepasang
23	Menukar bilik tanpa pengetahuan pihak pentadbiran kolej.	RM 100.00 / Dikeluarkan daripada kolej
24	Tidak memerah pakaian dan membiarkan air titisan pakaian menitis sehingga mengganggu laluan penghuni.	RM 50.00

SALAHLAKU MEROSAKKAN HARTA BENDA KOLEJ KADAR DENDA		
1	Hilang semua kunci	Denda RM 100.00
2	Hilang kunci bilik	Denda RM50.00
3	Hilang kunci almari	Tidak disediakan
4	Hilang rantai kunci	Denda RM50.00
5	Tidak memulangkan kunci selepas proses Clearance - denda : RM1/ hari atau mana-mana yang lebih tinggi	RM 100.00
6	Tertinggal kunci/ terkunci/ meminjam kunci dari pejabat kolej Tiada sebarang urusan selepas waktu pejabat.	RM 5.00 setiap kali meminjam semasa waktu pejabat.
7	Merosakkan perabot (i) Katil (ii) Tilam (iii) Almari (iv) Soft Board (v) Langsir (vi) Meja (vii) Kerusi (viii) Kerusi rehat	Denda (i) RM 210 (ii) RM 200 (iii) RM 275 (iv) RM 43 (v) RM 14/ m (vi) RM 107 (vii) RM 64 (viii) RM 81 *3 kali ganda barang yang dirosakan

8	Mencatatkan dinding dan merosakkan harta benda kolej Dikeluarkan dari kolej sepanjang tempoh pengajian	Denda Ganti rugi 3 kali ganda
9	Memindahkan harta benda/ perabot kolej dari tempat asal tanpa kebenaran pengetua	Denda RM 100.00
10	Merosakkan/ menyalahgunakan alat pemadam api/ alat pencegah kebakaran yang lain Dikeluarkan dari kolej sepanjang tempoh pengajian	Denda Ganti rugi 3 kali ganda
11	Tidak menutup suis lampu dan kipas angin ketika penghuni tiada di bilik.	RM 20.00
12	Tidak mencuci bilik air / sinki / tandas sehingga meninggalkan kesan kuning / lumut	RM 50.00/ individu
13	(i) Memasak di dalam bilik (ii) Penggunaan 'nyalaan api' (Naked flame) di dalam bangunan (iii) Membuat ujian dengan menggunakan bahan kimia mudah terbakar di dalam bilik (iv) Dikeluarkan dari kolej sepanjang tempoh pengajian	Denda RM 100.00 * Alat akan dirampas
SALAHLAGU MEROSAKKAN HARTA BENDA KOLEJ KADAR DENDA		
14	Memiliki kunci 'duplicate' atau memiliki kunci penghuni lain tanpa sebab yang munasabah	Denda RM 100.00
15	Tidak mengemas bilik atau mencuci bilik atau membuang sampah dari dalam bilik	Denda RM 50.00
16	Menyidai pakaian di tempat yang tidak dibenarkan	Denda RM 50.00
17	Pembuangan tuala wanita – Pastikan dibuang ke dalam 'Sanitary Bin' yang telah disediakan. Denda RM 100.00	

18	<p>Setiap pinjaman barangan daripada pihak kolej akan dikenakan deposit.</p> <p>(i) Deposit hanya dikembalikan sekiranya barangan dipulangkan dalam keadaan asal.</p> <p>(ii) Tempoh diberikan selama 3 hari daripada tarikh akhir program. Deposit tidak akan dipulangkan selepas tempoh tersebut.</p>	<p>Deposit RM 50.00/ pakej pinjaman dan kadar RM 200.00 untuk sewaan ruang (aktiviti kelab/ persatuan/ fakulti)</p>
19	<p>Tidak mendaftar barangan elektrik selepas tempoh pendaftaran/ semasa pemeriksaan.</p> <p>* Barang akan dirampas dan denda akan dikenakan.</p>	<p>RM 50.00/ alat</p>
20	<p>Daftar – Lampu Belajar</p>	<p>RM 10.00</p>
21	<p>Sampah sarap/ sisa makanan di bungkus dan diikat kemas, hendaklah dibuang ke dalam tong sampah.</p>	<p>Amaran dan tidak dipertimbangkan untuk penginapan serta di rujuk ke JHEPA. Denda RM 100.00</p>
22	<p>Tidak mengambil semula barang-barang di stor selepas hari pendaftaran.</p> <p>* Diberikan tempoh masa 7 hari bekerja selepas tempoh pendaftaran. Barang-barang akan dilupuskan dan tuntutan tidak dibenarkan.</p>	<p>Denda RM 100.00 kepada pihak yang mengurus simpanan barang yang diluluskan oleh pengetua</p>
23	<p>Meninggalkan/ menyimpan barang-barang di dalam bilik/ rumah semasa cuti semester.</p> <p>* Diberikan tempoh masa 7 hari bekerja selepas tempoh pendaftaran. Barang-barang akan dilupuskan dan tuntutan tidak dibenarkan.</p>	<p>Denda RM 100.00 kepada pihak yang mengurus simpanan barang yang diluluskan oleh pengetua</p>

22. Peraturan Kecemasan

- 22.1 Jika berlaku kecemasan yang memerlukan rawatan, pelajar boleh menghubungi pengetua, felo dan penolong pengurus asrama. Jika pengetua, felo atau penolong pengurus asrama tidak dapat dihubungi mana-mana Ahli Majlis Mahasiswa Kolej hendaklah dihubungi.
- 22.2 Felo bertugas bertanggungjawab menghantar penghuni yang memerlukan rawatan ke hospital/ klinik yang berdekatan.

23. Hal-hal lain

- 23.1 Pihak kolej boleh mengenakan sejumlah denda terhadap kerosakan kunci, perabot, sebarang peralatan kolej yang lain atas pertimbangan Pengetua.
- 23.2 Pihak Kolej juga boleh mengenakan kompaun ke atas kesalahan tatatertib kolej atau dipanjangkan untuk perbincangan tatatertib di peringkat kolej atau Universiti tertakluk kepada jenis kesalahan.
- 23.3 Perbincangan Tatatertib di Kolej
 - 23.3.1 Setiap kolej mempunyai Lembaga Tatatertib Pelajar. Keahlian Lembaga ini terdiri daripada Pengetua sebagai Pengerusi, Penolong Pengurus Asrama sebagai setiausaha dan Felo-felo sebagai ahli.
 - 23.3.2 Lembaga Tatatertib Kolej diberi kuasa untuk memanggil sidang tatatertib untuk membicarakan dan menjatuhkan hukuman ke atas setiap kesalahan tatatertib pelajar di peringkat kolej.
 - 23.3.3 Dalam pengendalian kes tatatertib ini, pelajar/penghuni diberi peluang untuk membela diri ke atas setiap tuduhan yang dikenakan padanya.
 - 23.3.4 Denda yang dikenakan mesti dijelaskan di Jabatan Bendahari atau lain-lain yang diberi kuasa dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat pemberitahuan keputusan dikeluarkan.

24. Perubahan Peraturan

Pengetua atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa olehnya boleh dari semasa ke semasa, memberi arahan atau perintah secara lisan atau bertulis yang difikirkan perlu atau sesuai untuk memelihara ketenteraman dan tatatertib dalam kolej, dan tiap-tiap pelajar hendaklah mematuhi.

25. MAKLUMAN

Semua penghuni kolej dimohon mematuhi semua peraturan yang telah ditetapkan bagi menjaga imej dan ketenteraman kolej kediaman.